

## The Reformation Era of the Ottoman Government in Early 19<sup>th</sup> Century A.D.

### Era Pembaharuan Kerajaan Uthmaniyah Pada Abad Ke-19 Masehi

Siti Nurul Izza Hashim  
*applemerah8807@gmail.com*  
Department of Arabic and Islamic Civilisation  
Studies, Islamic Faculty  
University Kebangsaan Malaysia

Ermy Azziaty Rozali  
*ermy@ukm.edu.my*  
Department of Arabic and Islamic Civilization  
Faculty of Islamic Studies  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Article received on 6 January 2014. Article published online on 25 Mac 2015.

#### Abstrac

In 1789m, France Revolution has effected Ottoman government directly. Ottoman government was facing a lot of crisis in leadership and management at the time. Ottoman government has taken and used ideas from the west to counter the crisis in order to reformation their management. This article explores and analyses the reformation process that has been done by the Ottoman government in the 19 century A.D. The objective of this article is to show that the change was done in economy, politics and social aspects in the Ottoman government. This research uses qualitative method from literature based on primary and secondary sources. The result from this research found that the by the Ottoman government had gradually reduced self confidence amongst their Muslim citizens. The importance of this research is relevant as the change and reformation that has been made in the Ottoman government is the factor that has brought to an end the Ottoman government. .

**Keyword:** *Sultan Mahmud II, Ottoman Goverment, Economy, Reformation, Politic.*

#### Abstrak

Revolution Perancis pada tahun 1789M, memberikan kesan secara langsung terhadap kerajaan Uthmaniyah. Ketika itu, kerajaan Uthmaniyah mengalami pelbagai krisis dalam isu kepimpinan dan pentadbiran. Bagi menyelesaikan isu tersebut, kerajaan Uthmaniyah mengambil idea-idea Barat untuk menjayakan usaha pembaharuan dalam kerajaannya. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana proses awal pembaharuan yang dilakukan oleh pemerintah kerajaan Uthmaniyah pada abad ke-19 dalam mengembalikan kegembilangannya.

Selain itu, artikel ini turut memperlihatkan pembaharuan yang dilakukan dalam pelbagai aspek iaitu aspek ekonomi, politik dan sosial. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi ulasan literatur berdasarkan beberapa sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapatkan bahawa pembaharuan yang dilaksanakan dalam kerajaan Uthmaniyyah menghakis jati diri masyarakat Islam secara beransur-ansur. Kepentingan kajian ini adalah amat relevan kerana pembaharuan tersebut merupakan faktor yang membawa kepada pembubaran khilafah Uthmaniyyah dalam sejarah tamadun Islam.

**Kata Kunci:; Sultan Mahmud II, kerajaan Uthmaniyyah, Ekonomi, pembaharuan, politik.**

## Pengenalan

Kebangkitan kuasa Barat dan kemunduran, khususnya selepas Revolusi Perancis pada tahun 1789M, memberikan kesan secara langsung terhadap kerajaan Uthmaniyah. Ketika itu, kerajaan Uthmaniyah mengalami pelbagai krisis dalam isu kepimpinan dan pentadbiran. Bagi menyelesaikan isu tersebut, kerajaan Uthmaniyah mengambil idea-idea Barat untuk menjayakan usaha pembaharuan dalam kerajaannya. Menurut Bernard Lewis (1968), menjelaskan bahawa buat pertama kalinya dalam sejarah umat Islam memperlihatkan kemasukan idea-idea Barat secara meluas melanda dunia Islam yang selama ini dipisahkan oleh tembok perperangan, iaitu selepas berlakunya Revolusi Perancis. Akhirnya, kerajaan Uthmaniyah mengambil langkah secara rasmi untuk mengadaptasi idea-idea pemodenan Barat bagi mengembalikan era kegemilangan kerajaan Uthmaniyah semasa pemerintahan Sultan Salim III (1761M-1808M).

Pembaharuan yang dilaksanakan oleh Sultan Salim III adalah menyeluruh, iaitu merangkumi aspek ekonomi, politik dan sosial. Namun begitu, pemantapan dalam aspek politik, khususnya bidang ketenteraan diberi keutamaan dan perhatian. Ini kerana, bidang ketenteraan merupakan sumber kekuatan kerajaan Uthmaniyah sejak berkurun lamanya. Tambahan pula, ketika itu kerajaan Uthmaniyah dikelilingi oleh kuasa Barat yang berusaha untuk menjajah dunia Islam. Pada tahun 1807M, Sultan Salim III memperkenalkan program baru ketenteraan yang digelar *Nizam-i-Cedid* (Peraturan Baru). Pembaharuan ini meliputi latihan, pendidikan, tentera, persenjataan, gaji, uniform dan sebagainya. Di samping itu, jurulatih daripada Britain, Perancis dan Sweden dilantik dalam bidang ketenteraan.

Walau bagaimanapun, pembaharuan yang dilaksanakan oleh Sultan Salim III mendapat tentangan dan reaksi yang negatif oleh golongan ulama tradisional serta golongan elit tentera *Janissari*. Hal ini kerana, kedua-dua golongan tersebut menganggap pembaharuan yang dilaksanakan sebagai satu langkah yang tidak Islamik kerana tidak mengikut landasan syariat Islam. Oleh yang demikian, pembaharuan yang dilaksanakan oleh Sultan Salim III menemui kegagalan dan membawa kepada penggulingan serta pembunuhan beliau pada tahun 1807M.

Menurut Shaukhi (2012), Pembaharuan yang diasaskan oleh Sultan Salim III dilihat sebagai asas kepada pembaharuan yang dilakukan oleh Sultan Mahmud II (1808M-1839M), dalam konteks yang lebih menyeluruh. Seterusnya, pembaharuan ini berlanjutan ke era tanzimat pada zaman Sultan Abd al-Majid (1839M-1861M), dan Sultan Abd al-Aziz (1861M-1876M). Era tanzimat merupakan era penyusunan semula dasar, undang-undang dan segala peraturan kerajaan Uthmaniyah. Tujuannya adalah untuk mewujudkan negara yang didasarkan kepada undang-undang dan menjamin hak rakyat.

Jika diteliti, kemajuan dan pemodenan Barat banyak mempengaruhi pemerintahan kerajaan Uthmaniyah pada abad ke-14M sehingga abad ke-16M. Kemasukan idea-idea ini dilihat penting sebagai satu usaha untuk meningkatkan kekuatan kerajaan Uthmaniyah pada ketika itu. Tambahan pula, keterbukaan Islam sebagai suatu agama yang berlandaskan perhubungan antarabangsa, budaya dan tamadun yang merupakan satu syarat kemajuan memperlihatkan tamadun Islam berkembang setiap pelosok dunia secara komprehensif.

Pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah meneruskan konsep keterbukaan ini dengan mengadaptasi kemajuan Barat, khususnya dalam aspek ketenteraan dan keilmuan.

Sultan Mahmud II (1808M-1839M), menaiki takhta pada 28 Julai 1808M ketika berumur 23 tahun. Beliau merupakan anak bongsu daripada 12 orang adik-beradik dan dilahirkan di Istana Topkapi pada 20 Julai 1785M. Selain itu, beliau digelar *Peter The Great* dalam kerajaan Uthmaniyyah kerana aktiviti pembaharuan yang dilaksanakannya berjaya membawa banyak perubahan kepada institusi kerajaan Uthmaniyyah. Beliau mendapat pendidikan awal berkaitan dengan bahasa Turki. Di samping itu, beliau juga mahir dalam bidang agama, seni syair dan sejarah (Lewis 1968: 76-77).

Pengkaji mendapati bahawa suasana dan keadaan kerajaan Uthmaniyyah ketika itu dalam keadaan kritis dengan pelbagai masalah dalaman dan luaran. Namun begitu, Sultan Mahmud II menghadapi cabaran dengan keazaman dan kebijaksanaan yang tinggi untuk menyelesaikan masalah tersebut. Antara langkah awal yang dilakukan oleh beliau dalam mengembalikan kegemilangan kerajaan Uthmaniyyah ialah mengukuhkan dan menstabilkan kuasa serta kerajaan yang dipimpinnya (Hasun 1994: 178-179).

Pengalaman kegagalan usaha pembaharuan yang dilaksanakan oleh Sultan Salim III memberi iktibar dan pengajaran yang amat besar kepada Sultan Mahmud II. Menurut Bailey (1970), menjelaskan bahawa kegagalan Sultan Salim adalah kerana kegagalan beliau bertindak secara bijaksana dalam mengawal institusi tradisional, semangat prejudis agama dan perbezaan kaum dalam kerajaannya. Selain itu, tindakan drastik terhadap musuh-musuhnya juga gagal diambil untuk mengekang kebangkitan penentangan terhadap beliau (Bailey 1970: 28). Jika diteliti, pengaruh golongan penentang ketika itu memperlihatkan tentangan yang kuat terhadap institusi kerajaan Uthmaniyyah.

Oleh yang demikian, Sultan Mahmud II menumpukan usaha yang bersungguh-sungguh untuk menguasai institusi tentera dan ulama. Langkah ini disebabkan kedua-dua institusi ini amat berpengaruh dalam sistem tradisi kerajaan Uthmaniyyah. Di samping itu, beberapa pembaharuan turut dilakukan oleh beliau seperti menukar nama pasukan tentera baru kepada *Segban-I Cedid* (pengawal huru-hara), menghapuskan rasuah dan memecat pegawai yang tidak efisien (Shaukhi 2012: 63-64). Antara pembaharuan yang dilakukan oleh Sultan Mahmud II adalah seperti berikut:

Era tanzimat (1839M-1878M), merupakan era pengukuhan kuasa Kristian Barat terhadap kerajaan Uthmaniyyah yang membawa kepada kelemahannya. Hal ini terbukti apabila sebahagian besar idea pembaharuan ini terpaksa diterima oleh para sultan Uthmaniyyah sehingga mengurangkan kuasa mereka. Era ini merangkumi pemerintahan empat orang sultan, iaitu Sultan Abdul Majid I (1823M-1861M), Sultan Abd al-Aziz (1830M-1876M), Sultan Murat V (1840M-1904M) dan permulaan Sultan Abdul Hamid II (1842M-1918M) (Shaukhi 2012: 92).

Tanzimat adalah kata jamak daripada perkataan Arab, iaitu *tanzim* yang bermakna mengatur, menyusun dan memperbaiki (Harun 1982: 124). Manakala Shaukhi 2012, berpendapat bahawa perkataan tanzimat dalam sejarah moden Turki dan Eropah merujuk kepada konotasi perkataan pembaharuan yang dilaksanakan oleh kerajaan Uthmaniyyah antara

tahun 1839M-1878M. Selain itu, tanzimat bermula dengan pengisytiharan Piagam Hatti-i Sherif-i Gulhane oleh Sultan Abd al-Majid pada 3 November 1839M dan berakhir setelah Sultan Abdul Hamid II bertindak menggantung perlombagaan Uthmaniyyah pada 4 Februari 1878M (Shaukhi 2012 :92).

Di samping itu, pembaharuan dalam era tanzimat kerajaan Uthmaniyyah dilaksanakan secara meluas. Menurut Shaw (1976), menjelaskan bahawa terdapat beberapa aspek yang membezakan antara pembaharuan era tanzimat dengan era sebelumnya. Shaw turut mengategorikan zaman pembaharuan era tanzimat kepada dua zaman, iaitu zaman perubahan penting dalam pembaharuan Uthmaniyyah dan zaman permulaan pembaharuan pemodenan. Jika diteliti aktiviti pembaharuan sebelum era tanzimat dilaksanakan oleh sultan sendiri dan dibantu oleh golongan birokrat. Manakala era tanzimat memperlihatkan pembaharuan dilaksanakan oleh golongan birokrat dan intelektual (Shaw 1976: 253). Artikel ini akan memperlihatkan pembaharuan yang dilakukan oleh para sultan kerajaan Uthmaniyyah dalam aspek ekonomi politik dan sosial pada abad ke 19 adalah seperti berikut:

### **Pembaharuan dalam Aspek Ekonomi**

Ekonomi memainkan peranan penting dan menjadi nadi utama dalam kerajaan Uthmaniyyah. Sebagai sebuah kerajaan yang memiliki wilayah yang luas, kerajaan Uthmaniyyah memerlukan asas ekonomi yang kukuh untuk memastikan pentadbiran berjalan lancar. Ini kerana kemajuan ekonomi akan memantapkan segala aktiviti pembaharuan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan Uthmaniyyah demi mengembalikan kegemilangan kerajaan tersebut. Pelbagai usaha dilakukan oleh para sultan kerajaan Uthmaniyyah dalam meningkatkan ekonomi kerajaan tersebut agar setanding dengan negara Eropah.

Langkah pertama yang dilakukan oleh Sultan Mahmud II ialah meningkatkan aktiviti perdagangan, khususnya dalam kalangan Eropah untuk memantapkan ekonomi kerajaan Uthmaniyyah. Menurut Shaw& Ezel (1977), menjelaskan bahawa perdagangan antarabangsa yang melibatkan aktiviti eksport dan import turut dipergiatkan. Pada tahun 1838M, kerajaan Uthmaniyyah memperbaharui peraturan perdagangan yang memberi hak keistimewaan, khususnya kepada pihak British untuk melakukan aktiviti perdagangan di wilayah kerajaan Uthmaniyyah. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya terdapat pelbagai perjanjian dimeterai di antara kerajaan Uthmaniyyah dengan kuasa Eropah. Contohnya perjanjian dimeterai antara menteri Luar British, iaitu Lord Palmerston dengan Menteri Luar kerajaan Uthmaniyyah, iaitu Mustafa Resit Pasha (Shaw & Ezel 1977: 50).

Hasil daripada pembaharuan tersebut menyebabkan jumlah perdagangan kerajaan Uthmaniyyah dan Barat mencatatkan kenaikan yang ketara, khususnya barang import keluaran Barat oleh kerajaan Uthmaniyyah. Contohnya, jumlah import kerajaan Uthmaniyyah dari Britain pada tahun 1825M adalah sebanyak 1,079,671 paun. Manakala pada tahun 1839M, terdapat peningkatan dalam jumlah import iaitu sebanyak 3,578,561 paun. Walau bagaimanapun, aktiviti eksport pada mencatatkan penurunan sebanyak 1,207,172 paun kepada 1,196,430 paun pada tahun yang sama. Di samping itu, barangan seperti kapas dan kain bulu biri-biri, besi dan keluli dan gula menjadi barang utama yang diimport dari Britain. Barangan pertanian seperti

akar kayu, sutera mentah dan anggur kering dieksport ke Britain (Bailey 1970: 74-93; Shaukhi 2012: 83).

Pengkaji mendapati bahawa terdapat kerancakan usaha pembaharuan yang dilakukan oleh Sultan Mahmud II adalah penerusan daripada usaha yang diasaskan oleh Sultan Salim III (1789M-1870M). Tujuannya adalah untuk menambahkan hasil pendapatan negara. Selain itu, ia turut memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat kerajaan Uthmaniyyah. Namun begitu, terdapat sudut negatif terhadap pembaharuan tersebut, iaitu menambah cengkaman Barat terhadap ekonomi kerajaan Uthmaniyyah sehingga aktiviti ekonomi tradisi kerajaan Uthmaniyyah semakin terhapus. Bahkan, terdapat juga sudut positif terhadap pemodenan Barat dalam aspek ekonomi, iaitu meletakkan kerajaan Uthmaniyyah kembali menyaingi kuasa-kuasa Barat yang sentiasa mencari peluang terhadap kelemahannya.

Manakala aspek ekonomi era tanzimat juga memperlihatkan kepada peningkatan aktiviti perdagangan Barat di wilayah Uthmaniyyah. Kerajaan berusaha untuk memajukan ekonomi dengan meningkatkan aktiviti perdagangan, eksport dan import, perculaian, perindustrian dan perbankan. Selain itu, pengeluaran bahan mentah berkembang memenuhi industri di Eropah. Pinjaman wang melalui bank diperlakukan oleh kerajaan agar setiap individu boleh mencebur diri dalam bidang ekonomi (Hourani 1974: 75). Jika diteliti pembaharuan ekonomi era tanzimat memperlihatkan sistem ekonomi kerajaan Uthmaniyyah bersifat kapitalis, iaitu mementingkan keuntungan semata-mata. Hal ini menyebabkan pengaruh Barat semakin menular dalam aspek ekonomi kerajaan Uthmaniyyah.

Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat pembaharuan dalam mata wang kerajaan Uthmaniyyah. Pada tahun 1839M, kerajaan Uthmaniyyah memperkenalkan mata wang baru iaitu *Gaima* dalam bentuk wang kertas. Manakala pada tahun 1844M, kerajaan Uthmaniyyah telah mengeluarkan wang syiling emas dan perak. Seterusnya, pada era pemerintahan Sultan Abdul Hamid II memperlihatkan permukaan depan wang tersebut ditulis nama khalifah sebagai ketua pemimpin orang Islam ketika itu (Wan Kamal 2009: 35).

Selain itu, pada 5 April 1853M, Bank Uthmaniyyah yang bercirikan perbankan Eropah ditubuhkan di Istanbul. Fungsi bank ini adalah untuk menyelesaikan masalah kejatuhan nilai mata wang kerajaan Uthmaniyyah (Karpat 1972: 258). Manakala Ubicini (1973), menjelaskan bahawa Bank DiRaja Istanbul ditubuhkan pada tahun 1848M. pengarah pertama bank tersebut ialah Messrs, James Allen dan Emanuel Baltazzi (Ubicini 1973: 297). Pengkaji mendapati bahawa kewujudan bank-bank tersebut membawa kepada bebanan hutang yang semakin meningkat dalam kerajaan Uthmaniyyah. Hal ini demikian kerana, sikap tidak berjimat-cermat pemimpin kerajaan Uthmaniyyah dalam menguruskan kewangan negara sehingga sering kali membuat pinjaman dengan bank-bank tersebut.

Pembaharuan dalam sektor pertanian turut dilakukan dengan melaksanakan sistem pemberian hak milik tanah. Ini kerana sektor pertanian amat diberi penekanan oleh kerajaan Uthmaniyyah era tanzimat. Kerajaan Uthmaniyyah memperkenalkan projek pertanian di Yesilkoy bagi menghasilkan tanaman baru. Di samping itu, projek pertanian ini berdasarkan kepada teknologi pertanian Perancis dan pakar pertanian dari Amerika dijemput untuk memajukan pertanian tersebut (Clark 1974: 67-68). Kerajaan turut membina kilang kain di

Damascus bagi memantapkan ekonomi kerajaan Uthmaniyyah. Bagi menghasilkan kain yang berkualiti dan bermutu tinggi kerajaan telah memperkenalkan pelbagai corak kain, butang, permaidani, sutera, dan benang emas bagi meningkatkan sektor perindustrian kerajaan Uthmaniyyah (Vatter 1995: 35-37).

Sistem cukai merupakan sumber utama ekonomi bagi sesebuah negara. Ini kerana sistem tersebut dapat menyumbang kepada pendapatan utama bagi ekonomi negara. Oleh yang demikian, era tanzimat memperlihatkan pelbagai cukai baru diperkenalkan dan cukai lama dimansuhkan. Kerajaan Uthmaniyyah menetapkan cukai dikutip mengikut jumlah atau tahap pendapatan rakyat (Inalcik 1978: 8-12). Justeru itu, sektor penternakan turut dilakukan pembaharuan dengan mengenakan cukai terhadap semua jenis binatang ternakan mengikut peratus tertentu dan nilai pasaran. Kerajaan telah menuahkan Jabatan Percukaian Pertanian dan Penternakan di bawah kelolaan Kementerian Kewangan. Bahkan, cukai setem hasil turut diperkenalkan dan setiap individu dikenakan cukai bagi urusan berkaitan perniagaan dan kerajaan. Selain itu, cukai kastam, cukai import dan eksport, cukai perkapalan dan cukai eksais turut diperkenalkan dan diperbaharui dari masa ke semasa (Shaw & Ezel 1977 :99-104). Keadaan ini menimbulkan perasaan tidak puas hati rakyat kerajaan Uthmaniyyah kerana membebangkan kehidupan mereka.

Lewis (1968), menjelaskan bahawa kerajaan Uthmaniyyah telah mengalami kemuflian pada era tanzimat. Hal ini demikian kerana, para pemimpin kerajaan Uthmaniyyah era tanzimat tidak mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan hal ehwal ekonomi. Bahkan, perbelanjaan yang tidak berjimat-cermat dan boros turut menjadi faktor kepada keadaan ini (Lewis 1968: 120). Jika diteliti, sistem Barat dalam pembaharuan ekonomi kerajaan Uthmaniyyah lebih menguntungkan dan didominasi oleh pihak Barat semata-mata.

### Pembaharuan dalam Aspek Politik

Langkah pertama yang dilaksanakan oleh Sultan Mahmud II ialah memberi perhatian yang mendalam terhadap perkhidmatan hal ehwal luar, khususnya dalam melatih pegawai diplomat muda dan awam menggunakan bahasa asing. Seterusnya, beliau melantik seorang pegawai untuk menjadi penterjemah bagi memudahkan perbincangan antara kedua-dua wakil. Jabatan Penterjemahan yang dikenali sebagai *Tercume Odasi* ditubuhkan pada tahun 1823M. Kemudian, Akhbar-akhbar Eropah diedarkan di wilayah kerajaan Uthmaniyyah. Pengkaji merasakan bahawa pembaharuan yang dilaksanakan oleh Sultan Mahmud II menyebabkan idea-idea pemodenan terus menyusup masuk ke dalam jiwa masyarakat Uthmaniyyah (Hurewitz 1961: 148). Jika diteliti, usaha beliau sedikit sebanyak dapat membantu beliau untuk memperbaiki dan memodenkan pentadbiran kerajaan. Polisi yang dikemukakan oleh Sultan Mahmud II bertujuan supaya aktiviti pembaharuan akan berterusan untuk generasi selepasnya.

Seterusnya pada tahun 1834M, beliau telah mengambil langkah drastik dengan melakukan pembaharuan dalam sektor pentadbiran. Beliau menjalankan polisi pemusatan pemerintahan terhadap pemerintahan wilayah (*ayan*). Tujuannya adalah untuk mengehadkan dan mengecilkan kuasa para pemerintah wilayah. Keadaan ini dilihat oleh kebanyakan para sarjana sebagai era penularan sistem sekular dalam kerajaan Uthmaniyyah. Pentadbiran pada

era ini juga merupakan batu asas terhadap pentadbiran dalam era tanzimat. Sultan Mahmud II turut memansuhkan sebahagian besar corak pemerintahan yang terdahulu dan cuba mengembalikan kuasa pentadbiran istana, khususnya dalam aspek politik (Shaukhi 2012: 75).

Menurut Davison (1963), menjelaskan bahawa Sultan Mahmud II melakukan perubahan terhadap jawatan penting negara iaitu *Sadr-i A'zem* dan *Sheikh al-Islam*. Jawatan *Sadr-i A'zem* diganti dengan jawatan *Basvekil* (perdana menteri) dan di bantu oleh para *vekil* (menteri). Manakala, jawatan *Sheikh al-Islam* disamakan dengan jawatan-jawatan lain dan hanya dikhaskan untuk hal ehwal agama. Ini kerana, *Sheikh al-Islam* mempunyai kuasa veto yang melebihi kuasa sultan. Para sultan juga wajib meminta fatwa daripada *Sheikh al-Islam* dalam urusan perluasan dan penaklukan empayar. Oleh yang demikian, pembaharuan perlu dilaksanakan bagi mengurangkan bidang kuasa jawatan ini dan membolehkan beliau memperolehi kuasa khalifah dalam bidang keduniaan serta keagamaan secara serentak. Pada awal tahun 1838M, beliau menubuhkan *Meclis-i Vala-yi Ahkam-i Adliye* (Majlis Tertinggi Ordinan-Ordinan Kehakiman) bagi menggariskan peraturan-peraturan baru yang bakal dilaksanakan (Davison 1963: 28; Nurul 2012: 8).

Manakala, era tanzimat memperlihatkan kewujudan dua aliran pembaharuan. Pertama, aliran Barat yang mendapat nasihat dan terpengaruh secara langsung dengan Barat. Kedua, aliran liberal yang didominasi oleh golongan intelektual yang mengelarkan kumpulan ini sebagai Uthmani Muda. Kumpulan ini dilihat berusaha untuk menyesuaikan pemodenan Barat dengan ajaran Islam bagi perkara-perkara yang dibenarkan. Tujuan pembaharuan era tanzimat adalah untuk mewujudkan sistem kerajaan yang adil dan saksama serta mengecilkan kuasa mutlak sultan yang disifatkan menyeleweng. Hal ini demikian kerana mereka beranggapan bahawa kuasa mutlak sultan membawa ketidakadilan hak dan kemunduran dalam kalangan rakyat. Bahkan, persoalan perundangan, keadilan, hak asasi dan sistem pentadbiran menjadi penekanan dalam era tanzimat.

Shaukhi (2012), menjelaskan bahawa Piagam *Hatti-i Sherif-i Gulhane* telah menggariskan asas-asas peraturan dan perundangan serta mencorakkan aspek pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah semasa era tanzimat. Serentak dengan itu, sebuah institusi baru telah diperkenalkan bagi mewujudkan sebuah pentadbiran yang berkesan dalam mengimplementasikan piagam tersebut. Institusi pentadbiran dalam era tanzimat merupakan penerusan daripada pentadbiran era Sultan Mahmud II. Namun begitu, peranannya diluaskan meliputi segala aspek urusan negara (Shaukhi 2012: 102-103).

Mustafa Reshid Pasya (1800M-1858M), merupakan individu yang bertanggungjawab membawa idea pentadbiran Perancis dalam kerajaan Uthmaniyyah. Antara institusi terpenting yang memainkan peranan dalam era ini ialah Majlis Tertinggi Keadilan. Majlis ini berperanan sebagai badan penasihat kepada pembaharuan yang dilaksanakan. Di samping itu, penubuhan majlis ini memberi impak yang besar terhadap aspek pentadbiran kerajaan Uthmaniyyah (Feroze 1976: 40). Pengkaji mendapati bahawa Majlis Tertinggi Keadilan telah wujud semasa pemerintahan Sultan Mahmud II, tetapi keberkesanannya kewujudannya dirasai dalam era tanzimat.

Manakala, pada tahun 1847M, sebuah mahkamah campuran diwujudkan. Tujuannya adalah untuk mengadakan pengadilan saksama dalam kalangan rakyat tanpa mengira kaum. Tambahan pula, isu persamaan hak antara warga Islam dan bukan Islam telah lama wujud dalam pentadbiran kerajaan Uthmaniyah. Namun begitu, dalam era tanzimat memperlihatkan persamaan hak tersebut ingin diadaptasi dalam undang-undang Islam yang cuba dipinda. Perkara ini amat dibimbangi dan mendapat tentangan para ulama kerana kejahilan para pemerintah dalam meminda aspek perundangan Islam (Feroze 1976: 40-41).

Menurut Berkes (1964), menjelaskan bahawa era tanzimat menyaksikan kewujudan satu sistem undang-undang yang dapat diterima oleh semua rakyat kerajaan Uthmaniyah tanpa mengira agama, kepercayaan dan kedudukan. Selain itu, amalan demokrasi digunakan dalam menggubal undang-undang tersebut. Satu *Divan-i Ahkam Adliye* (Majlis Enakmen Undang-undang) turut diwujudkan. Oleh yang demikian, beberapa elemen agama dan kehidupan masyarakat Islam dan bukan Islam terpaksa diubah bagi menjayakan sistem undang-undang tersebut (Berkes 1964: 94-95). Pengkaji mendapati usaha pembaharuan ini memperlihatkan kemasukan undang-undang Barat yang meluas dalam kerajaan Uthmaniyah.

Pembaharuan dalam aspek ketenteraan menunjukkan hasil yang begitu menakjubkan. Hal ini terbukti apabila tentera baru kerajaan Uthmaniyah menunjukkan persaingan yang hebat melawan pihak Russia pada tahun 1829M (Edib 1973: 67). Pengkaji mendapati bahawa pembaharuan dalam bidang ketenteraan oleh Sultan Mahmud II dipengaruhi oleh Muhammad Ali Pasya di Mesir. Kekuatan tentera Mesir yang dihasilkan daripada aktiviti pembaharuan terbukti dalam siri peperangan dan pemberontakan, khususnya di wilayah Arabia, Sudan dan Greek.

Oleh yang demikian, Sultan Mahmud II memohon bantuan daripada Muhammad Ali Pasya untuk menghantar 12 orang pegawai tentera membantu dan melatih para pegawai tentera kerajaan Uthmaniyah. Namun begitu, permohonan tersebut telah ditolak oleh Muhammad Ali Pasya kerana bimbang akan meningkatkan kekuatan kerajaan Uthmaniyah. Para pegawai Barat yang berada di Mesir juga agak keberatan kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh kerajaan Uthmaniyah (Abdol Rauh 1999: 90-91). Pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara pembaharuan yang dilaksanakan oleh Sultan Mahmud II dengan Muhammad Ali Pasya. Ini kerana Sultan Mahmud II mewarnai pembaharuan dengan unsur agama dan peranan ulama. Manakala, Muhammad Ali Pasya dilihat mengetepikan ulama dalam polisinya.

Pembaharuan dalam aspek ketenteraan era tanzimat memperlihatkan Tentera Terlatih Sultan dibahagikan kepada enam bahagian mengikut wilayah dan diketuai oleh *musir* (ketua bahagian) yang menerima arahan serta berada di bawah kawalan *serasker* (ketua tentera). Unit Hassa (penjaga empayar) diserap kepada unit Hassa Ordusu (tentera empayar) yang lebih besar. Selain itu, tiga daripada enam bahagian ditempatkan di Istanbul dan sekitarnya. Bahagian ketiga ditempatkan di wilayah Monastir dan Albania. Manakala, bahagian keempat Anatolia dan bahagian kelima di Damascus serta wilayah Arabia. Bahagian terakhir diletakkan di wilayah Baghdad. Sultan Abd al-Aziz melakukan pembaharuan dalam persenjataan dan meningkatkan perbelanjaan ketenteraan. Sistem senjata berat seperti meriam diambil daripada teknologi Jerman (Shaw& Ezel 1977 :85-86).

Pengkaji mendapati bahawa para sejarawan tidak banyak membahaskan pembaharuan ketenteraan dalam era tanzimat. Shauki (2012), berpendapat bahawa pembaharuan pada aspek ketenteraan era tanzimat sudah melalui proses pemantapan fizikal yang agak sempurna. Ini kerana ia telah sekian lama diberi penekanan berbanding aspek yang lain. Selain itu, para reformis yang muncul pada era tanzimat kebanyakannya berlandaskan idea-idea intelektual dan birokrat berbanding era sebelumnya yang mengambil pendekatan Revolusi (Shaukhi 2012: 110).

### **Pembaharuan dalam Aspek Sosial**

Manakala dari aspek sosial, Sultan Mahmud II memperkenalkan beberapa bidang kesenian Barat dalam masyarakat kerajaan Uthmaniyyah seperti muzik, konsert, opera, drama dan tarian balet. Kesenian ini biasanya dimainkan oleh warga kedutaan luar dan muzik Barat diimport masuk dalam sistem ketenteraan serta upacara-upacara rasmi kerajaan (Shaw & Ezel 1977 :49). Selain itu, beliau turut memansuhkan sistem tradisi aristokrat yang telah lama dipraktikkan. Beliau juga menggesa para pembesar menukar corak pakaian kepada bentuk yang sederhana. Pemakaian bintang-bintang kebesaran tidak digalakkan. Bahkan, orang awam turut digesa agar memakai pakaian ala Barat (Harun 1982: 91-92).

Pada tahun 1826M, pemakaian serban ditukar kepada topi tarbus atau *fez*. Pada mulanya pemakaian *fez* hanya diwajibkan kepada pihak tentera. Namun begitu, pada tahun 1829M, pemakainya diperluaskan kepada pihak birokrat dan orang awam. *Fez* tersebut direka dengan pelbagai bentuk supaya dapat membezakan setiap golongan sama ada pemerintah, tentera dan orang awam (Quataert 1997: 412-414). Jika diteliti, pemakaian yang diwajibkan oleh Sultan Mahmud II merupakan satu proses pembaharuan yang membawa kepada kehilangan jati diri masyarakat Islam kerajaan Uthmaniyyah secara beransur-ansur.

Selain itu, bidang pendidikan turut mengalami perubahan melalui enam saluran. Antara saluran tersebut ialah melalui pendedahan yang luas terhadap pemodenan Barat, pengalaman seseorang, pekerjaan, pengembawaan, pembacaan dan perbincangan antara pemimpin atau sarjana (Davison 1961: 290). Pada tahun 1838M, Sekolah pendidikan sekular, iaitu *Mekteb-I Maarif* ditubuhkan. Kebanyakan para pemimpin terkenal kerajaan Uthmaniyyah dalam tanzimat adalah keluaran sekolah berkenaan. Di samping itu, sekolah kesusasteraan yang dikenali sebagai Sekolah *Mekteb-I Ulum-u Edebiye* turut dibina untuk melahirkan para penterjemah yang berwibawa. Mata pelajaran asas seperti bahasa Arab, Perancis, geografi, sejarah dan sains politik turut diajar di sekolah tersebut (Shaukhi 2012: 81). Pengkaji mendapati bahawa kemunculan sekolah-sekolah berkenaan merupakan satu perubahan dalam sistem pendidikan yang memasukkan idea sekularisme. Hal ini menyebabkan institusi agama kurang mendapat sambutan daripada orang ramai.

Manakala era tanzimat menyaksikan kemasukan sistem pendidikan Barat dalam pendidikan kerajaan Uthmaniyyah. Pembaharuan dalam bidang pendidikan memperlihatkan transformasi yang menyebabkan pertentangan antara pendidikan agama dan sekular. Bahkan, tamadun Barat dilihat mendominasi aspek pendidikan sama ada dari sudut kurikulum sekolah,

buku-buku rujukan dan tenaga pengajar. Oleh yang demikian, institusi pendidikan tradisional yang bercirikan agama semakin pupus. Era tanzimat juga dilihat sebagai perintis terhadap institusi sekular di Turki dewasa ini (Golkap 1959: 234-237).

Dari sudut pembaharuan komunikasi, Sultan Mahmud II telah mencetak akhbar dalam bahasa Perancis. Seterusnya, akhbar *Takvim-i Vekayi* edisi bahasa Turki diterbitkan dan menjadi lidah rasmi kerajaan bagi mengumumkan sebarang pelantikan pegawai-pegawai tinggi kerajaan serta kes-kes penghakiman. Oleh yang demikian, rangkaian pos diwujudkan pada tahun 1834M bagi menghubungkan Uskandar dan Izmit (Lewis 1968: 94-96).

Manakala, era tanzimat menyaksikan infrastruktur komunikasi moden turut dipertingkatkan. Pada tahun 1856M, sistem pos diperluas perkhidmatannya daripada Istanbul ke Edirne dan di bandar-bandar utama. Pemodenan kapal wap juga diperluaskan dan perkhidmatannya bermula dari Istanbul ke Laut Hitam sehingga ke Kepulauan Marmara. Sistem telegraf telah diperkenalkan oleh pihak British dan Perancis, khususnya semasa peperangan Crimea pada tahun 1854M. Di samping itu, sistem ini menggunakan kabel bawah laut yang menghubungkan beberapa bandar utama kerajaan Uthmaniyah (Shaukhi 2012: 115).

Menurut Ubicini (1973), menjelaskan bahawa perkembangan media dan akhbar berjalan serentak dengan polisi pembaharuan kerajaan. Akhbar-akhbar Barat memainkan peranan penting dalam menyebarkan idea-idea Barat dan isu berkaitan polisi kerajaan diutarakan dalam pelbagai aspek. Di samping itu, aspek-aspek pemodenan Barat turut dibahaskan (Ubicini 1973: 250-251). Manakala Cadarsi (2000), menjelaskan bahawa, pada tahun 1864M, satu undang-undang akhbar diwujudkan bagi mengawal percetakan akhbar dan kemasukan bahan-bahan luar, terutamanya isu yang melibatkan politik (Cadarsi 2000: 579).

Pengkaji mendapati bahawa pembaharuan era tanzimat dalam aspek sosial mewujudkan perubahan dalam kehidupan masyarakat kerajaan Uthmaniyah. Bahkan, perubahan ini membuktikan imej dan jati diri masyarakat kerajaan Uthmaniyah semakin terhapus. Dari sudut positif, memperlihatkan pembaharuan yang dilakukan dalam era tanzimat mewujudkan golongan intelektual yang prihatin dengan hak-hak rakyat dan kepincangan pemerintah.

## Kesimpulan

Kajian ini memperlihatkan pembaharuan yang dilakukan oleh Sultan Mahmud II dan pemerintah era tanzimat pada abad ke 19. Pembaharuan ini menyaksikan perubahan polisi yang amat ketara dalam politik kerajaan Uthmaniyah kerana mengadaptasi polisi dari Barat. Walau bagaimanapun, Islam mengamalkan sikap terbuka terhadap unsur-unsur luar daripadanya. Yusuf al-Qaradawi berpendapat bahawa tidak salah bagi umat Islam mencontohi Barat dalam perkara-perkara baik dan bermanfaat. Namun begitu, pembaharuan tersebut harus bersesuaian dengan menambah atau mengurangi sesuatu tamadun itu agar selari dengan nilai-nilai murni serta prinsip-prinsip dasar Islam.

Sehubungan itu, pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan Uthmaniyah adalah sesuatu yang dituntut oleh agama. Namun begitu, pembaharuan yang dilaksanakan oleh pemerintah

kerajaan Uthmaniyyah dilihat dari sudut positif dan negatif. Hal ini demikian kerana, kemajuan fizikal yang didasari oleh tamadun Barat mengatasi pembangunan kerohanian terhadap masyarakat Islam kerajaan Uthmaniyyah. Kesannya, kebudayaan Barat telah mengambil tempat dalam jiwa masyarakat Islam sehingga terhakisnya identiti dan jati diri masyarakat Islam. Bahkan, pembaharuan yang dilakukan telah menjadi satu faktor yang membawa kepada pembubaran khilafah dalam sejarah tamadun Islam.

Walau bagaimanapun, pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan Uthmaniyyah mewujudkan pembangunan fizikal dan perkembangan intelektual yang menakjubkan. Perkembangan kemajuan dari sudut persenjataan, teknikal dan saiz ketenteraan mampu menandingi aspek ketenteraan Barat. Jika diteliti, pembaharuan yang dilaksanakan oleh kerajaan Uthmaniyyah merupakan satu usaha untuk memajukan aspek ekonomi, politik dan sosial demi mengembalikan kegembilangan kerajaan Uthmaniyyah. Jika diteliti, kesan pembaharuan ini mencetuskan kebangkitan semangat memperjuangkan kemerdekaan melalui pendekatan dalam kalangan umat Islam, khususnya dari cengkaman Barat.

## Rujukan

- Abdol Rauh Yaacob. 1999. *Sejarah dan Tamadun Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bailey, F.E. 1970. *British Policy and the Turkish Reform Movement : A Study in Anglo-Turkish Relations 1826-1853*. New York: Howard Fertig.
- Cadirsi, Musa. 2000. Tanzimat. dlm Cicek, Kemal et al.(pnyt). *The Great Ottoman-Turkish Civilization: Philosophy, Science and Institutions*. Hlm. 573-589. Ankara: Yeni Turkiye.
- Clark, E.C. 1974. The Ottoman Industrial Revolution. *International Journal of Middle East Studies*, Vol 5. hlm 65-76.
- Creasy, E.S. 1968. *History of the Ottoman Turk*. Beirut: Khayats.
- Davison, R. H. 1961. Westernized Education in Ottoman Turkey. *The Middle East Journal* (3): 289-297.
- Davison, R. H. 1963. *Reform in the Ottoman Empire 1856-1876*. New Jersey: Princeton University Press.
- Edib, Halide. 1973. *Turkey Faces West*. New York: Arno Press.
- Feroze, Muhammad Rashid. 1976. *Islam and Secularism in Post-Kemalist Turkey*. Islamabad: Islamic Research Institute.

- Golkap, Z. 1959. *Turkish Nationalism and Western Civilization*. Terj. Berkes, N. London: George Allen and Unwin Ltd.
- Harun Nasution. 1982. *Pembaharuan dalam Islam, Sejarah Pemikiran dan Gerakan*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Hasun, Ali. 1994. *Tarikh al-Kerajaan al-Uthmaniyyah wa Alaqaatiha al-Kharajiah*. Cet. IV. Beirut: Maktab al-Islami.
- Hourani, A. 1974. The Ottoman Background of the Modern Middle East.dlm Karpat, Kemal H. (pnyt). *Social, Economy and Political Studies of the Middle East*, hlm. 69-82. Vol. XI. Leiden: E.J. Brill.
- Hurewitz, J.C. 1961. Ottoman Diplomacy and the European State System. *The Middle East Journal*, Vol 15: 141-152).
- Inalcik, H. 1978. Application of the Tanzimat and Its Social Effects. dlm Inalcik, H. (pytn). *The Ottoman Empire: Conquest, Organization and Economy*. London: Variorum Reprints. hlm 1-25.
- Karpat, Kemal H. 1972. The Transformation of the Ottoman State, 1978-1908. *International Journal of Middle East Studies*, (3): 243-281.
- Kinross, L. 1977. *The Ottoman Centuries: The Rise and Fall of the Turkish Empire*. New York: William Morrow and Company Inc.
- Lewis, B. 1968. *The Emergence of Modern Turkey*. London: Oxford University Press.
- Luke, H. 1955. *The Old Turkey and the New from Byzantine to Ankara*. London: Geoffrey Bless Ltd.
- Maksudoglu, Mehmet. 1999. *Osmanli History 1289-1922, Based on Osmanli Source*. Selangor: International Islamics University of Malaysia Publication.
- Mohamad Shaukhi Mohd Radzi. 2012. *Proses Pembaharuan dalam Kerajaan Uthmaniyyah 1789-1876*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Nurulwahidah Fauzi. 2012. Peranan Arab Hadhrami Di Dalam Mempengaruhi Politik Istana Kerajaan Johor Pada Awal Abad Ke 20M. *International Journal of West Asian Studies*. Vol 4. 15 January 2013. hlm 1-21.
- Quataert, D. 1997. Clothing Law, State and Society in the Ottoman Empire: 1720-1829. *International Journal of Middle East Studies*. 29 (3): 402-425.

- Shaw, S. J. 1976. *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey. Vol I. Empire of the Gazis: The Rise and decline of the Ottoman Empire, 1280-1880.* London: Cambridge University Press.
- Shaw, S. J. & Shaw, E. K. 1977. *History of Ottoman Empire and Modern Turkey, Vol II: Reform, Revolution and Republic: The Rise of Modern Turkey, 1808-1975.* London: Cambridge University Press.
- Swallow, C. 1973. *The Sick Man of Europe: Ottoman Empire to Turkish Republic 1789-1923.* London: London & Tonbridge.
- Ubicini, M. A. 1973. *Letters on Turkey.* New York: Arno Press.
- Vatter, S. 1995. Militant Textile Weavers in Damascus: Waged Artisans and the Ottoman Labor Movement 1850-1914. dlm Donald Quataert & Erik Jan Zurcher (pynt). *Workers and the Working Class in the Ottoman Empire and the Turkish Republic 1839-1950.* London: Tauris Academic Studies.
- Wan Kamal Mujani. 2009. Sejarah Dinar dari Zaman Pra Islam sehingga Zaman ‘Uthmani. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yapp, M.E. 1987. *The Making of the Modern Near East 1792-1923.* London: Longman.

### About the Authors

Siti Nurul Izza Hashim is Master student at the Department of Arabic and Islamic Civilisation Studies, Islamic Faculty, University Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at applemerah8807@gmail.com.

Ermy Azziaty Rozali (Ph.D), is a senior lecturer at the Department of Arabic and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, She can be contacted at ermy@ukm.edu.my.